

# MB Perak jamin

BH 30 JUN 2001

Oleh Jalal Ali  
Abdul Rahim

IPOH, Jumaat — Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali rela meletak jawatan jika tarif air di negeri ini dinaikkan atau Lembaga Air Perak (LAP) diswastakan, dalam tempoh beberapa tahun ini.

Katanya, beliau sedia berbuat demikian kerana tidak sanggup rakyat menuduhnya menyetepikan kepentingan mereka serta kehilangan pelaburan ke negeri itu kerana kos air yang tinggi.

“Saya memberi jaminan harga air tidak akan dinaikkan sehingga 2004. Jika ini (harga terpaksa dinaikkan) berlaku, kera-

Tajol Rosli rela meletak jawatan jika tarif air naik kerana tidak sanggup dituduh menyetepikan kepentingan rakyat dan kehilangan pelabur di Perak

na rakyat saya rela meletak jawatan dan biar orang lain yang mengumumkan kenaikan itu.

“Saya juga tidak mahu (LAP) diswastakan dalam tempoh itu,” katanya berucap merasmikan Dialog Pemimpin MIC bersama Menteri Besar di kediamannya di sini, hari ini.

Hadir sama Presiden MIC merangkap Menteri Kerjaya Raya, Datuk Seri S Samy Vellu dan Pengerusi MIC negeri, Datuk G Rajoo.

April lalu, Kerajaan Perak dilaporkan mungkin mengikuti tindakan Kerajaan Selangor menaikkan tarif air. Cadangan itu membabitkan kenaikan caj air domestik bagi keluarga yang menggunakan melebihi 40 meter padu sebulan.

Ketika ini, pertambahan caj (penggunaan melebihi 20 meter padu) hanya meliputi 10 hingga 15 peratus tetapi jumlah kenaikan dicadangkan lebih tinggi dengan penetapan

had baru berkenaan.

Skim caj semasa LAP bermula 0 hingga 10 unit yang dikenakan 30 sen

## tarif air kekal

satu meter padu. 70 sen (11-20 satu meter padu) dan 90 sen (lebih 20 meter padu).

Bagaimanapun, cadangan itu dibantah pelbagai pihak termasuk Persatuan Pengguna Perak sehingga mendorong mesyuarat penuh LAP yang dipengerusikan Tajol Rosli pada 26 April lalu memutuskan untuk tidak menaikkan caj berkenaan.

Tajol Rosli yang ditemui bagi mendapat penjelasan kenyataannya itu berkata, kerajaan negeri tidak boleh menaikkan tarif air kerana ia akan menjejaskan pelaburan dan tidak disenangi rakyat.

“Negeri ini pun kurang mempunyai tarikan hebat bagi pelabur. jadi kalau kita naikkan tarif air akan

menjejaskan peluang kita menarik pelaburan ke Perak.

“Kalau saya tidak dapat tarik pelabur orang akan marah, kalau kita naikkan tarif air pun orang kampung marah, jadi kalau semua marah apa guna saya duduk di Perak lagi, itu maksud saya,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri seboleh-bolehnya tidak mahu menswastakan LAP sebaliknya mahu meningkatkan pengurusan, kemampuan perbelanjaan serta mengurangkan pembaziran air bagi membolehkan tarif sedia ada dikekalkan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri meminta pinjaman Kerajaan Pusat berjumlah RM238

juta bagi membangunkan sendiri satu kawasan takungan air di Hulu Kinta dekat sini dengan sebuah syarikat.

Pinjaman itu, jika diluluskan dapat menyumbang keuntungan RM429 juta mulai sekarang hingga 2014.

“Kalau kita bina sendiri takungan air ini kita tidak akan menanggung kerugian. Tetapi kalau mengambil pinjaman (bukan Kerajaan Pusat) untuk membangunkan takungan air ini kita akan rugi tiap-tiap tahun dan hanya selepas 2014 baru kita akan mendapat keuntungan,” katanya.

Tajol Rosli berkata, jika Kerajaan Pusat tidak meluluskan pinjaman itu pihaknya akan meminta

kebenaran membuat pinjaman bank komersial kerana ia masih menguntungkan.

“Itu sebabnya tiada makna menswastakan LAP. Jika terpaksa diswastakan pun, kita akan buat cara penswastakan Syarikat Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad,” katanya.

Pada 7 April lalu, Tajol Rosli menyerahkan permohonan pinjaman itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat negeri ini.

Berdasarkan kajian awal, takungan itu mampu membekalkan 225 juta liter air sehari bagi kawasan Lembah Kinta. Projek itu juga memastikan bekalan asas di kawasan itu tiada gangguan sehingga 2015.